

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9480**

**SOALAN:**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat ini berapakah jumlah rakyat Syria yang di beri perlindungan dan kewarganegaraan Malaysia selaras dengan janji Perdana Menteri menerima 3000 pelarian negara tersebut pada tahun 2015.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ingin dimaklumkan di dewan yang mulia ini, sehingga kini Kerajaan telah membantu seramai 79 orang migran yang terdiri daripada 20 buah keluarga warganegara Syria. Malaysia bersama-sama komuniti antarabangsa telah menyatakan komitmen untuk memberikan perlindungan dan bantuan atas dasar kemanusiaan ke atas rakyat Syria yang terlibat dalam kancan peperangan. Pada Sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) pada 1 Oktober 2015, Malaysia telah bersetuju untuk membawa masuk seramai 3,000 orang migran Syria dalam tempoh tiga (3) tahun bermula pada 2016.**

**Suka diingatkan di sini bahawa usaha membantu meneruskan kehidupan dan keberadaan migran Syria melalui Program ini di Malaysia adalah di atas platform kemanusiaan dan kumpulan migran tersebut akan pulang semula ke Negara mereka setelah peperangan selesai dan situasi dalam negaranya kembali aman. Oleh itu, tidak timbul isu pemberian kewarganegaraan kepada kumpulan migran tersebut.**